

PEMAHAMAN DAN PENGALAMAN GANGGUAN SEKSUAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA

Faridah Awang¹ (faridah.awang@jpw.gov.my)
Raja Kamariah Raja Mohd Khalid (rajakamariah@jpw.gov.my)
Azyyati Mat Zam (azyyati@jpw.gov.my)
Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat, Malaysia

Abstract

Public understanding of sexual harassment is crucial in ensuring society, particularly women, know the existing legislation system in protecting them and its impact on societal lives. This study aims to examine the extent to which Malaysian aware and responsive towards the sexual harassment issue. A quantitative survey, which utilized the convenience sampling technique, and a structured questionnaire consisting of questions about the understanding, experiences, and recommendations on the sexual harassment issue, was distributed to 28,852 respondents. The study found that generally Malaysians understand that sexual harassment is immoral physical behavior, and it also includes harassment via social media. The study also found that more than 60 percent of the respondents had experienced sexual harassment. However, only 10 percent of the respondents are courageous enough to make reports to the authorities. The study recommends a more proactive awareness campaign and legal reinforcement, and more accessible information on reporting options.

Keyword: sexual harassment, public understanding, awareness, legal reinforcement, reporting options

¹ Penulis korespondan

Pengenalan

Kesedaran mengenai isu gangguan seksual dalam kalangan rakyat Malaysia amat penting kerana isu ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada mangsa, khususnya wanita (Fitzgerald & Cortina, 2018). Bahkan, kesan dari gangguan seksual ini juga menjelaskan perkembangan psikologi dan fizikal mangsa, sekaligus mencalarkan kesejahteraan sosial masyarakat (Monalisha & Azizan, 2017). Di dalam konteks Malaysia gangguan seksual khususnya dalam kalangan wanita adalah ditahap membimbangkan (Junita, 2019). Antara faktor kepada isu gangguan seksual dalam kalangan masyarakat ini adalah berkaitan dengan kelemahan wanita yang digambarkan sebagai kaum yang lemah; berbanding kaum lelaki (Asbah, Siti Nor Azhani & Fauziah (2017). Perkara ini perlu diberi perhatian bagi mengelakkan gambaran negatif terhadap wanita yang lebih dipengaruhi oleh faktor sosio-budaya yang akhirnya membina persepsi, membuat penilaian dan seterusnya mempengaruhi tindakan seseorang bila berhadapan dengan isu gangguan seksual ini (Adikaram, 2014). Keadaan ini membawa kepada pengendalian satu survei bagi meneliti pemahaman dan pengalaman rakyat Malaysia terhadap isu sosial ini.

Ulasan Literatur

Konsep gangguan seksual

Gangguan seksual merupakan masalah kesihatan perkerjaan yang kronik (Quick & McFadyen, 2017). Malah, menurut Hersch (2015) gangguan seksual juga merupakan rangkaian tingkah laku yang luas. Contoh rangkaian tingkah laku gangguan seksual termasuklah pandangan sepintas lalu dan gurauan yang tidak sopan, memberi komen yang merendahkan mana-mana pihak jantina, serangan seksual dan tindakan fizikal lain yang ganas. Walaupun definisi gangguan seksual berlainan antara negara, gangguan seksual secara amnya difahami sebagai perlakuan berbaur seks yang tidak disenangi dan tidak munasabah.

Mangsa gangguan seksual boleh didapati dalam kalangan kaum wanita atau lelaki. Menurut Monalisha dan Azizan (2017), apabila isu gangguan seksual dibangkitkan, kita acap kali berfikir bahawa mangsanya ialah kaum wanita. Namun demikian, kaum lelaki juga terdedah menjadi mangsa gangguan seksual. Perkara ini disokong oleh berita akhbar Berita Harian Online (2020, September 9) yang menekankan bahawa wujdunya situasi di mana atlet lelaki juga menghadapi masalah gangguan seksual. Oleh itu, kaum lelaki dan wanita perlu berwaspada terhadap isu gangguan seksual untuk kesejahteraan diri masing-masing.

Bentuk-bentuk gangguan seksual

Secara amnya, gangguan seksual dilihat melalui tiga jenis utama iaitu gangguan seksual berbentuk ugutan (melibatkan pertukaran ganjaran dengan aktiviti seksual), gangguan seksual yang mengganggu ketenteraman (ini termasuklah perbuatan merenung tajam, menggunakan kata-kata dan juga sentuhan yang tidak diingini) dan gangguan seksual yang menjurus pada ketidakseimbangan gender (seperti perbezaan peranan, yang membawa kepada penghinaan dan sebagainya) (Keplinger, Johnson, Kirk, & Barnes, 2019; Fitzgerald & Cortina, 2018).

Selain itu, berdasarkan Mondy dan Mondy (2012, dalam Hejase, 2015) pula, gangguan seksual juga boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *Quid Pro Quo* dan *Hostile Working Environment* (Persekutaran Perkerjaan Bermusuhan). Gangguan seksual *Quid Pro Quo* biasanya berlaku apabila seseorang pelaku memaksa pekerja untuk melakukan gejala seksual agar mangsa boleh mengekalkan perkerjaan, memperoleh peluang kenaikan pangkat serta peluang kerjaya yang lain atau mengelakkan menerima akibat yang negatif dalam kerjaya mangsa. Manakala, gangguan seksual jenis *Hostile Working Environment* berlaku apabila anggota organisasi berhadapan dengan persekitaran kerja yang menakutkan, bermusuhan atau bersifat menyinggung perasaan disebabkan jantina mangsa.

Namun begitu, di Malaysia, tingkah laku gangguan seksual boleh dibahagi kepada lima jenis oleh Persekutuan Majikan Kerja (1999). Jenis-jenis gangguan seksual yang dinyatakan adalah gangguan secara lisan, gangguan secara isyarat/bukan lisan, gangguan visual, gangguan psikologi dan gangguan fizikal. Pekeliling Bilangan 5 Tahun 2018 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menambahbaik jenis gangguan seksual dengan menyatakan gangguan seksual boleh terjadi kepada sesiapa sahaja; sama ada berlainan atau sesama jantina. Gangguan sosial juga merangkumi sebarang kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal, atau sebab yang munasabah setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

Kerangka perundangan negara berkaitan gangguan seksual

Berdasarkan perundangan Malaysia, beberapa akta dan peraturan yang digubal telah mengambilkira isu gangguan seksual ini. Bagi sektor awam contohnya, selain penguatkuasaan Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 mengenai larangan melakukan gangguan seksual, Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja pada tahun 2018. Secara ringkas, Pekeliling Perkhidmatan tersebut digunakan sebagai panduan kepada Unit Integriti dan Unit Psikologi di sesebuah agensi kerajaan untuk mengambil tindakan dan mengendalikan sebarang kes berkaitan gangguan seksual di tempat kerja secara lebih berkesan.

Bagi sektor swasta pula, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja pada tahun 1999 dan Akta Kerja 1955 (Akta 265) yang menyatakan bahawa pihak majikan perlu membuat siasatan sekiranya menerima aduan gangguan seksual. Sekiranya mangsa tidak berpuas hati atau majikan enggan membuat siasatan, maka mangsa boleh merujuk kes itu kepada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia.

Berbanding gangguan seksual di tempat kerja, gangguan seksual yang menggunakan aplikasi teknologi maklumat (seperti medium media sosial) lebih mudah tersebar luas. Individu terbabit hanya perlu menularkan kandungan mesej yang berunsur gangguan seksual kepada pengguna lain atau individu yang telah dikenalpasti. Perbuatan menularkan mesej yang berunsur gangguan seksual yang boleh membuat penerima mesej tersebut merasa kurang selesa melalui media sosial boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Bagi isu yang melibatkan gangguan seksual melalui media sosial, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mengeluarkan Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 (Seksyen 211) yang menyatakan larangan terhadap pemberian kandungan jelik; iaitu:

“tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang”.

Seterusnya, bagi kesalahan yang lebih serius, kerajaan memperuntukkan Kanun Keseksaan (Akta 574). Walaupun tidak menggunakan perkataan ‘gangguan seksual’, peruntukan yang terkandung di dalam akta tersebut boleh digunakan bagi menangani kes gangguan seksual. Peruntukan yang berkaitan dengan gangguan seksual, diantaranya ialah:

- (1) Seksyen 294 berkaitan dengan nyanyian lucah,
- (2) Seksyen 293 berkaitan dengan menjual bahan lucah kepada orang muda,
- (3) Seksyen 355 yang berkaitan dengan kesalahan menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan marah,
- (4) Seksyen 377D yang berkaitan dengan kesalahan melanggar kesopanan sama ada di tempat awam atau persendirian; dan
- (5) Seksyen 509 yang berkaitan dengan kesalahan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan seseorang, sama ada dengan perkataan atau isyarat.

Pendek kata, berdasarkan kepada perundangan-perundangan yang dinyatakan di perenggan terdahulu, telah wujud peraturan-peraturan dan undang-undang di negara ini berkaitan kesalahan apabila mengganggu seseorang individu yang lain secara seksual. Ringkasan kepada perundangan dan peraturan sedia ada berkaitan gangguan seksual terlampir sebagai Lampiran 1.

Metodologi

Objektif kajian

Kajian ini merupakan satu langkah pragmatik bagi mengenalpasti isu-isu dan persepsi masyarakat terhadap isu gangguan seksual di Malaysia dan keperluan untuk menambah baik peraturan dan undang-undang yang sedia ada bagi memastikan mangsa dapat dilindungi dan merasa selamat sekiranya diganggu. Objektif kajian ini adalah untuk melihat samada masyarakat memahami isu yang berkaitan dengan gangguan seksual, meninjau pengalaman masyarakat yang pernah menjadi mangsa gangguan seksual dan memahami tindakan yang diambil oleh mangsa, lokasi gangguan seksual atau tindak balas saksi kepada gangguan seksual.

Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk memahami persepsi masyarakat berkaitan dengan gangguan seksual. Seramai 28,852 orang awam di Malaysia yang datang dari pelbagai latar belakang sosiodemografi menyertai kajian ini. Sampel kajian ini telah dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Soal selidik kajian telah dirangka oleh pasukan yang ditubuh khas bagi mengenalpasti ruang kajian yang berkaitan dengan isu pemahaman, pengalaman dan cadangan tindakan lanjutan daripada responden. Setiap responden dibenarkan untuk memilih satu atau lebih jawapan yang disediakan. Ini adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat menyeluruh mengenai kes keganasan seksual; khususnya terhadap kaum wanita. Data kajian telah dikumpul melalui tinjauan dalam talian

menggunakan portal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Pembangunan Wanita. Pasukan penyelidik telah memuat turun soal selidik di dalam sistem dan melaksanakan uji cuba bagi memastikan tiada kesalahan pada soal selidik sebelum dibuka kepada umum.

Dapatan Kajian

Profil responden

Majoriti orang awam yang menyertai kajian ini adalah kaum wanita; iaitu seramai 23,796 orang (82.5%), berbanding hanya 5,056 orang (17.5%) kaum lelaki. Pecahan mengikut bangsa pula memperlihatkan seramai 22,920 orang (79.4%) responden berbangsa Melayu, Cina seramai 2,090 (7.3%), India seramai 1,295 (4.5%) dan lain-lain bangsa adalah seramai 2,547 (8.8%).

Jadual 1: Profil Sosiodemografi Responden Kajian

| Pembolehubah Sosiodemografi | Jumlah (orang) | Peratus (%) |
|-----------------------------|----------------|-------------|
| Jantina: | | |
| Lelaki | 5,056 | 17.5 |
| Wanita | 23,796 | 82.5 |
| Bangsa: | | |
| Melayu | 22,920 | 79.4 |
| Cina | 2,090 | 7.3 |
| India | 1,295 | 4.5 |
| Lain-lain | 2,547 | 8.8 |
| Umur: | | |
| 18-20 | 5,586 | 19.4 |
| 21-30 | 12,978 | 45.0 |
| 31-40 | 5,345 | 18.5 |
| 41 ke atas | 4,943 | 17.1 |
| Pekerjaan: | | |
| Pelajar kolej | 11,120 | 38.5 |
| Kerajaan | 7,186 | 25.0 |
| Swasta | 5,982 | 20.7 |
| Lain-lain | 4,564 | 15.8 |

n=28,852

Manakala, bagi kategori umur pula menunjukkan bahawa responden yang berumur di antara 21 hingga 30 tahun iaitu seramai 12,978 orang (45%) adalah yang paling ramai, diikuti dengan mereka yang berumur 18 hingga 20 tahun iaitu seramai 5,586 orang (19.4%) dan seterusnya ialah mereka yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu 5,345 orang (18.5%). Bagi responden berumur 41 ke atas ialah seramai 4943 (17.1%).

Bagi kategori pekerjaan pula menunjukkan responden yang terdiri daripada pelajar kolej/universiti paling ramai iaitu 11,120 orang (38.5%), diikuti dengan pekerja sektor kerajaan iaitu seramai 7,186 orang (25%) dan seterusnya pekerja dari sektor swasta iaitu 5,982 orang (20.7%) dan lain-lain pekerjaan seperti tidak bekerja, bekerja sendiri dan pelajar sekolah seramai 4564 (15.8%).

Pemahaman responden mengenai gangguan seksual

Hanya 81,415 responden yang menjawab soalan mengenai pemahaman terhadap gangguan seksual. Daripada jumlah tersebut, seramai 27,542 orang (33.8%) responden menyatakan gangguan seksual ialah “menyentuh atau memegang anggota badan di tempat yang tidak dikehendaki”. Manakala, seramai 27,346 orang responden (33.6%) pula menganggap bahawa “meraba atau memeluk anggota badan di tempat yang tidak dikehendaki” dan seramai 26,527 orang responden (32.6%) turut memberi anggapan bahawa “menghantar gambar atau video berbentuk lucah yang tidak dikehendaki” adalah gangguan seksual.

Jadual 2: Pemahaman Responden Mengenai Jenis Gangguan Seksual

| Pemahaman | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|--|-------------------------|------------------------|
| Menyentuh atau memegang anggota badan di tempat yang tidak dikehendaki | 27,542 | 33.8 |
| Meraba atau memeluk anggota badan di tempat yang tidak dikehendaki | 27,346 | 33.6 |
| Menghantar gambar atau video berbentuk lucah yang tidak dikehendaki | 26,527 | 32.6 |
| <i>Jumlah</i> | <i>81,415</i> | <i>100</i> |

Pemahaman responden mengenai peruntukan undang-undang gangguan seksual sedia ada

Seramai 17,925 orang (62.1%) menyatakan “undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes gangguan seksual”. Seramai 5,099 orang (17.7%) pula menyatakan bahawa “tindakan ke atas kes gangguan seksual boleh diambil dan mencukupi di bawah perundangan yang sedia ada”. Seterusnya, seramai 1,630 orang responden (5.6%) menyatakan bahawa “tiada undang-undang atau peraturan berkaitan gangguan seksual pada masa ini”. Manakala, seramai 4,198 orang responden (14.6%) tidak pasti mengenai pemahaman berkaitan perundangan gangguan seksual pada masa ini.

Jadual 3: Pemahaman Responden Mengenai Peruntukan Undang-Undang Gangguan Seksual Sedia Ada

| Pemahaman | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---|-------------------------|------------------------|
| Undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes gangguan seksual | 17,925 | 62.1 |
| Tindakan ke atas kes gangguan seksual boleh diambil dan mencukupi di bawah perundangan yang sedia ada | 5,099 | 17.7 |
| Tiada undang-undang atau peraturan berkaitan gangguan seksual pada masa ini | 1,630 | 5.6 |
| Tidak pasti mengenai pemahaman berkaitan perundangan gangguan seksual pada masa ini | 4,198 | 14.6 |
| <i>Jumlah</i> | 28,852 | 100 |

Pengalaman berkaitan gangguan seksual

Seramai 18,457 (64%) orang responden yang menyertai kajian ini menyatakan yang mereka pernah diganggu secara seksual. Ini termasuklah gangguan seksual berbentuk fizikal, psikologikal, visual dan juga lisan. Manakala selebihnya, 10,395 (36%) tidak pernah mengalami gangguan seksual.

Jadual 4: Pengalaman Responden Mengenai Gangguan Seksual

| Pengalaman | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---|-----------------|----------------|
| Pernah diganggu secara seksual | 18,457 | 64 |
| Tidak pernah mengalami gangguan seksual | 10,395 | 36 |
| <i>Jumlah</i> | 28,852 | 100 |

Bentuk gangguan seksual yang dialami

Dapatan menunjukkan bahawa dalam kalangan 31,993 orang responden yang pernah mengalami gangguan seksual, seramai 12,687 orang (40%) menyatakan mereka mengalami gangguan seksual yang berbentuk bukan lisan seperti menjeling, merenung, mengintai, penggunaan bahasa badan dan lain-lain perbuatan yang dirasakan mengganggu dan membuat seseorang merasa kurang selesa samada berunsur lucah, seksual dan menimbulkan rasa yang tidak menyenangkan serta mengganggu emosi. Ini kemudiannya diikuti dengan pengalaman gangguan seksual berbentuk fizikal seperti menyentuh, meraba, memegang atau memeluk iaitu seramai 11,916 orang (37%). Manakala, seramai 7,390 orang responden (23%) menyatakan mereka pernah mengalami gangguan seksual berbentuk visual seperti melalui gambar, video, nota termasuklah nyanyian lucah iaitu.

Jadual 5: Bentuk Gangguan Seksual yang Dialami Oleh Responden

| Bentuk Gangguan Seksual | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|-------------------------|-----------------|----------------|
| Gangguan bentuk lisan | 12,687 | 40 |
| Gangguan bentuk fizikal | 11,916 | 37 |
| Gangguan bentuk visual | 7,390 | 23 |
| <i>Jumlah</i> | 31,993 | 100 |

Saksi kepada insiden gangguan seksual

Bagi soalan mengenai pengalaman menyaksikan atau mengenali seseorang yang menghadapi gangguan seksual ini, seramai 12,647 (43.8%) orang responden menyatakan mereka tidak pernah menyaksikan atau mengenali individu yang menjadi mangsa. Namun, terdapat seramai 16,205 (56.2%) orang responden yang melaporkan mereka

pernah mempunyai pengalaman menyaksikan atau mengenali seseorang yang mengalami gangguan seksual. Daripada jumlah tersebut, tindakan yang paling popular dalam kalangan responden ialah memberi sokongan peribadi kepada mangsa iaitu seramai 17,142 (59.4%) orang responden, cuba menghalang insiden tersebut seramai 6,833 (23.7%) dan terus menegur pelaku seramai 4,877 (16.9%).

Jadual 6: Responden Sebagai Saksi Kepada Insiden Gangguan Seksual

| Saksi/Tindakan | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---|-----------------|----------------|
| <i>Saksi:</i> | | |
| (1) Tidak pernah menyaksikan dan mengenali mangsa | 12,647 | 43.8 |
| (2) Pernah menyaksikan dan mengenali mangsa | 16,205 | 56.2 |
| <i>Jumlah</i> | <i>28,852</i> | <i>100</i> |
| <i>Tindakan:</i> | | |
| (1) Memberi sokongan peribadi kepada mangsa | 17,142 | 59.4 |
| (2) Menghalang insiden berlaku | 6,833 | 23.7 |
| (3) Terus menegur pelaku | 4,877 | 16.9 |
| <i>Jumlah</i> | <i>28,852</i> | <i>100</i> |

Lokasi gangguan seksual berlaku

Dalam kalangan 27,032 orang responden yang menjawab soalan ini, seramai 11,993 (44.4%) menyatakan gangguan seksual berlaku di tempat awam seperti di kedai, atau pengangkutan awam seperti bas awam, teksi, kenderaan e-hailing, LRT, keretapi komuter dan sebagainya. Seramai 8,296 (30.7%) pula menyatakan ianya berlaku di atas talian (melalui *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, SMS dan lain-lain). Seterusnya, seramai 6,743 orang (24.9%) melaporkan ia berlaku di institusi pendidikan (sekolah, universiti, kolej).

Jadual 7: Lokasi Gangguan Seksual Berlaku

| Lokasi | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---|-----------------|----------------|
| Tempat awam | 11,993 | 44.4 |
| Dalam talian (melalui Facebook, Instagram, WhatsApp, sms dan lain-lain) | 8,296 | 30.7 |
| Institusi pendidikan (sekolah, universiti, kolej) | 6,743 | 24.9 |
| <i>Jumlah</i> | <i>27,032</i> | <i>100</i> |

Pelaku gangguan seksual

Seramai 22,052 orang responden menjawab soalan mengenai pelaku gangguan seksual. Dari jumlah tersebut, 12,999 (58.9%) responden melaporkan yang pelaku gangguan seksual adalah orang yang tidak dikenali. Seterusnya, 4,555 (20.7%) orang responden mengakui bahawa rakan sekolah atau rakan sekelas adalah pelaku gangguan seksual dan seramai 4,498 (20.4%) orang responden menyatakan kawan mereka adalah pelaku gangguan seksual tersebut. Ini menunjukkan bahawa pelaku gangguan seksual adalah sama ada individu yang tidak dikenali dan juga orang yang dikenali.

Jadual 8: Pelaku Gangguan Seksual Terhadap Responden

| Pelaku | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|----------------------------------|-------------------------|------------------------|
| Orang yang tidak dikenali | 12,999 | 58.9 |
| Rakan sekolah atau rakan sekelas | 4,555 | 20.7 |
| Kawan | 4,498 | 20.4 |
| <i>Jumlah</i> | <i>22,052</i> | <i>100</i> |

Tindakan mangsa

Hanya 1,796 (6.3%) orang responden yang membuat laporan dan selebihnya, iaitu seramai 26,726 (93.7%) tidak membuat laporan kes tersebut. Bagi responden yang membuat laporan, berdasarkan pengalaman mereka, seramai 762 (42.4%) orang responden menyatakan tiada penyiasatan atau tiada tindakan lanjut dibuat hasil dari laporan yang dibuat. Hanya seramai 403 (22.4%) orang responden sahaja menyatakan bahawa laporan mereka disiasat. Walau bagaimanapun, pelaku tidak diberi amaran, dipecat atau dihukum. Manakala 384 (21.4%) orang responden melaporkan bahawa penyiasatan dijalankan dan pelaku diberi amaran, dipecat atau dihukum. Dari jumlah tersebut, 52 (2.9%) responden menyatakan penyiasatan dijalankan dan kes dibawa ke mahkamah hasil daripada laporan mereka.

Jadual 9: Tindakan yang Dilakukan Oleh Responden

| Tindakan/Maklumbalas | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|--|-----------------|----------------|
| Membuat laporan: | 1,796 | 6.3 |
| Tindakan selepas membuat laporan: | | |
| (1) Tiada penyiasatan atau tiada tindakan lanjut dibuat hasil dari laporan yang dibuat | 762 | 42.4 |
| (2) Laporan disiasat, tetapi pelaku tidak diberi amaran, dipecat atau dihukum | 403 | 22.4 |
| (3) Penyiasatan dijalankan dan pelaku diberi amaran, dipecat atau dihukum | 384 | 21.4 |
| (4) Penyiasatan dijalankan dan kes dibawa ke mahkamah | 52 | 2.9 |
| (5) Lain-Lain | 195 | 10.9 |
| <i>Jumlah</i> | <i>1,796</i> | <i>100</i> |
| Tidak membuat laporan: | 26,726 | 93.7 |
| Alasan-alasan tidak membuat laporan: | | |
| (1) Tiada bukti bagi melaporkan kes gangguan seksual tersebut | 10,628 | 39.8 |
| (2) Mengharapkan bahawa insiden itu kali pertama berlaku dan tidak akan berulang | 10,530 | 39.4 |
| (3) Takut sekiranya pihak berkuasa merasakan laporan yang mereka buat adalah perkara remeh | 5,568 | 20.8 |
| <i>Jumlah</i> | <i>28,522</i> | <i>100</i> |

Kajian ini mendapati berdasarkan pada pengalaman responden, terdapat 26,726 (93.7%) orang responden tidak melaporkan kes gangguan seksual yang berlaku kepada pihak berkuasa. Alasan-alasan untuk tidak melaporkan menunjukkan seramai 10,628 (39.8%) orang responden menyatakan bahawa mereka tiada bukti bagi melaporkan kes gangguan seksual tersebut, seramai 10,530 (39.4%) orang responden mengharapkan bahawa insiden itu kali pertama berlaku dan tidak akan berulang, serta 5568 (20.8%) orang responden menyatakan bahawa mereka takut sekiranya pihak berkuasa merasakan laporan yang mereka buat adalah perkara remeh.

Alasan tidak membuat laporan

Responden juga memberi pandangan mengapa mangsa yang dikenali itu tidak membuat laporan kepada pihak berkuasa ialah atas beberapa sebab utama. Respons yang paling tinggi ialah kerana takut atau malu untuk melaporkan insiden (42.1%), kedua

ialah kerana tiada bukti (33.3%) dan ketiga ialah kerana pihak berkuasa menganggap kes gangguan seksual merupakan kes remeh (24.6%). Bagi responden yang tidak mengenali atau tidak mempunyai pengalaman berdepan dengan gangguan seksual pula, mereka membuat andaian bahawa sekiranya mereka melihat insiden seumpama ini, mereka akan cuba menghalang insiden tersebut dari berlaku (37.3%). Kedua tertinggi ialah responden akan melaporkan kepada pihak berkuasa (32.3%) dan ketiga tertinggi ialah responden akan melaporkan kepada pihak pengurusan organisasi/pusat pengajian (30.4%).

Jadual 10: Alasan Responden Tidak Membuat Laporan

| Alasan | Bilangan (n) | Peratus (%) |
|---|-----------------|----------------|
| Alasan mangsa yang dikenali tidak membuat laporan: | | |
| (1) Takut atau malu untuk melaporkan | 11,215 | 42.1 |
| (2) Tiada bukti | 8,875 | 33.3 |
| (3) Khuatir pihak berkuasa menganggap kes remeh | 6,559 | 24.6 |
| <i>Jumlah</i> | <i>26,649</i> | <i>100</i> |
| Tindakan bagi yang tidak mempunyai pengalaman sebagai saksi: | | |
| (1) Menghalang insiden berlaku | 7,247 | 37.3 |
| (2) Melapor pada pihak berkuasa | 6,280 | 32.3 |
| (3) Melaporkan kepada pihak pengurusan organisasi/pusat pengajian | 5,906 | 30.4 |
| <i>Jumlah</i> | <i>19,433</i> | <i>100</i> |

Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati masyarakat Malaysia memahami asas konteks gangguan seksual. Malah, kebanyakannya mengetahui bentuk-bentuk gangguan seksual yang berlaku, sama ada ke atas diri mereka mahupun ke atas orang lain. Dapatan ini memperlihatkan bahawa responden faham dan jelas bahawa gangguan seksual bukan sahaja melibatkan aspek fizikal seperti sentuhan dan meraba anggota badan yang tidak dikehendaki, tetapi merangkumi juga aspek visual seperti menghantar gambar atau video berunsur lucah. Secara ringkasnya, boleh dikatakan bahawa gangguan seksual adalah perbuatan berbau seksual bukan secara sukarela mangsa daripada golongan yang dominan (Fox & Tang, 2017). Perlakuan-perlakuan ini termasuklah sentuhan tubuh

badan yang tidak diingini, paksaan, dan pujuk rayu supaya melakukan hubungan seks atau menampalkan gambar-gambar lucu di tempat kerja.

Dari perspektif pelaksanaan undang-undang, hasil kajian ini mendapati masyarakat masih tidak berpuas hati dengan penguatkuatkuasaan undang-undang sedia ada. Seramai 17,925 (62%) orang responden menyatakan “undang-undang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes gangguan seksual”. Ini menunjukkan kebanyakan responden mahu prosedur terhadap undang-undang gangguan seksual sedia ada dilaksanakan lebih tegas misalnya, hukuman berat dikenakan terhadap pelaku. Namun begitu, menurut Azlina Rozy (2013), wanita tidak perlu bersandarkan kepada undang-undang sahaja dalam menangani isu gangguan seksual ini.

Langkah membendung dan mengelak daripada terus berlaku adalah perkara yang perlu diambil kira dalam usaha menangani isu gangguan seksual. Dari konteks pengalaman pula, 64 peratus (18,457 orang) responden kajian ini melaporkan mereka pernah mempunyai pengalaman sebagai mangsa gangguan seksual. Jumlah yang besar ini menunjukkan jenayah gangguan seksual berlaku secara berleluasa di dalam negara ini. Bagi bertindak-balas kepada keadaan ini, kempen dan penguatkuatkuasaan harus diambil berat (Whitley & Page, 2015) untuk menghentikan gangguan seksual ini daripada semakin meningkat setiap tahun. Sejajar dengan usaha ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setiap tahun, bersama-sama dengan organisasi antarabangsa bergabung tenaga dalam memperhebatkan Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di peringkat antarabangsa pada setiap 25 November.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan insiden gangguan seksual paling banyak berlaku di tempat awam seperti di kedai atau ketika menggunakan pengangkutan awam seperti di dalam bas awam, teksi, kenderaan e-hailing, di stesen LRT, ERL, KTM komuter dan sebagainya. Hasil kajian ini sangat jelas menunjukkan bahawa tempat-tempat awam masih tidak selamat sepenuhnya dan bebas bagi pemangsa untuk melakukan sebarang bentuk gangguan seksual. Majoriti responden menjawab pelaku gangguan seksual adalah individu yang tidak dikenali. Oleh itu, adalah wajar untuk

dipertimbangkan pemasangan kamera litar tertutup dilaksanakan di tempat awam (Natalie, 2017). Walau bagaimanapun, terdapat juga pelaku dari kalangan individu yang dikenali seperti rakan sekelas atau kawan.

Dari aspek tindakan mangsa apabila mengalami gangguan seksual, kajian ini mendapati 93.7 peratus mangsa tidak membuat laporan. Berdasarkan kepada jumlah yang cukup besar dan sangat membimbangkan ini, punca mangsa tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pemangsa harus dikenalpasti kerana mangsa mempunyai hak untuk melindungi diri mereka dan pelaku wajar dikenakan tindakan atas jenayah yang dilakukan kerana gangguan seksual memberi kesan mendalam terhadap mangsa (McLaughlin & Blackstone, 2017). Hasil kajian ini juga menunjukkan pengalaman menyaksikan atau mengenali seseorang yang menghadapi gangguan seksual ini adalah tinggi, dan tindakan paling popular yang diambil oleh responden ialah memberi sokongan peribadi kepada mangsa, cuba menghalang insiden tersebut dan terus menegur pelaku. Ini menunjukkan masyarakat masih peka dan prihatin terhadap isu gangguan seksual di sekeliling mereka.

Rumusan

Gangguan seksual adalah satu perbuatan jenayah serius dan boleh mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan mental dan fizikal individu. Walaupun mangsa gangguan seksual mengalami tekanan dari segi fizikal dan psikologikal, namun, masih tidak ramai mangsa yang berani tampil ke hadapan untuk mendapatkan pembelaan. Mereka hanya saling berkongsi pengalaman dan kemarahan sesama mereka. Sememangnya gangguan seksual merupakan satu penghinaan terhadap mangsa dan menjatuhkan maruah mangsa dan dilihat sebagai suatu tindakan diskriminasi jantina yang bertentangan dengan prinsip layanan saksama dalam kehidupan harian di antara lelaki dan wanita. Fenomena gangguan seksual menghalang perkembangan budaya masyarakat penyayang dan masyarakat adil.

Kebanyakan mangsa gangguan seksual enggan membuat laporan. Keadaan ini amat membimbangkan khususnya bagi menyokong usaha kerajaan membina masyarakat yang lebih sejahtera, harmoni dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Kajian ini menyarankan agar kaum wanita perlu celik undang-undang bagi membina kesedaran terhadap amalan gangguan seksual. Melihat kepada peruntukan undang-undang sedia ada, mangsa gangguan seksual perlu lebih terdedah kepada maklumat berkenaan cara dan pilihan yang mereka ada bagi melaporkan kes gangguan seksual di tempat kerja. Selain itu, kerajaan perlu untuk menguatkuasakan undang-undang sedia ada dengan lebih menyeluruh dan pihak majikan juga perlu memainkan peranan di dalam mendidik pekerja berkenaan ruang yang mereka ada bagi melaporkan aduan kes gangguan seksual, selain dari peruntukan yang lebih besar bagi mengadakan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat dalam bersama-sama membanteras isu gangguan seksual ini.

Rujukan

- Adikaram, A. S. (2014). “Good Women” and “Bad Women”: How socialization of gendered behavioural norms influences Sri Lankan working women’s interpretation of sexual harassment at workplaces. *South Asian Journal of Human Resources Management*, 1(1), 45–65.
- Asbah Razali, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Fauziah Ani. (2017). Jenayah menggugat kelestarian wanita. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (Insan 2017)*, Ayer Keroh, Melaka, 1–2 November. Diambil dari https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=Nzc1OTc%3D
- Azrina@Roszy Mohd Ghaffar. (2013, November 8). Temubual peribadi.
- Berita Harian Online. (2020, September 9). Altlet lelaki lebih banyak hadapi gangguan seksual. *Berita Harian Online*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/>
- Fitzgerald, L. F., & Cortina, L. M. (2018). Sexual harassment in work organizations: A view from the 21st century. In Travis, C. B., White, J. W., Rutherford, A., Williams, W. S., Cook, S. L. & Wyche, K. F. (Eds.). *APA handbook of the psychology of women: Perspectives on women's private and public lives* [p. 215–234]. New York: American Psychological Association.

Fox, J., & Tang, W. Y. (2017). Women's experiences with general and sexual harassment in online video games: Rumination, organizational responsiveness, withdrawal, and coping strategies. *New Media & Society*, 19(8), 1290-1307.

Hejase, H. J. (2015). Sexual harassment in the workplace: An exploratory study from Lebanon. *Journal of Management Research*, 7(1), 107-121.

Hersch, J. (2015). Sexual harassment in the workplace: Despite being illegal, costly, and an affront to dignity, sexual harassment is pervasive and challenging to eliminate. *IZA World of Labor 2015*, 188, 1-10.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. (2019). *Gangguan Seksual Di Tempat Kerja*. Dimuat turun daripada https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/2019/Gangguan_Seksual_Di_Tempat_Kerja.pdf

Junita Mat Rasid. (2019, Januari 26). Keganasan terhadap wanita membimbangkan-TPM. *BH Online*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/>

Keplinger, K., Johnson, S. K., Kirk, J. F. & Barnes, L. Y. (2019). Women at work: Changes in sexual harassment between September 2016 and September 2018. *PLoS ONE*, 14(7), e0218313.

McLaughlin, H., Uggen, C., & Blackstone, A. (2017). The economic and career effects of sexual harassment on working women. *Gender & Society*, 31(3), 333-358.

Monalisha Farhani Mokhsar & Azizan Morshidi. (2017). Kes gangguan seksual. *Doi: 10.13140/RG.2.2.17757.20962*

Natalie, G., Cui, J, Q. & Coiacetto, E. (2017) Harassment on public transport and its impacts on women's travel behavior. *Australian Planner*, 54(1), 8-15.

Persekutuan Majikan Malaysia. (1999). *Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja*. Malaysia: Malaysian Employers Federation (MEF).

Quick, J. C. & McFayden, M. A. (2017). Sexual harassment: Have we made any progress? *Journal of Occupational Health Psychology*, 22 (3), 286 –298.

Shamsinar Rahman & Suria Fadhillah Md Pauzi. (2018). Gangguan seksual di tempat kerja: Tinjauan undang-undang. *Journal for Social Sciences*, 22 (00), 124-129. Diambil dari <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29446/>

Whitley, L., & Page, T. (2015). Sexism at the centre: Locating the problem of sexual harassment. *New Formations*, 86(86), 34-53.

Gangguan Seksual Dalam Perundangan Malaysia

| JENIS GANGGUAN | PEKELILING PERKHIDMATAN GANGGUAN SEKSUAL - JPA | KANUN KESEKSAAN (AKTA 574) – KDN / PDRM | AKTA BURUH 1955 - KSM | AKTA KOMUNIKASI Seksyen 233 AKM 1998 |
|-------------------------|--|--|--|---|
| Gangguan secara fizikal | <p>-Sentuhan fizikal seperti mendekati orang dengan jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa.</p> <p>-Memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat atau meraba sehingga pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut.</p> | <p>-S509- Perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang</p> <p>-S354- Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat mencabul kehormatan.</p> <p>-S355- Menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang kecuali atas bangkitan- marah yang besar.</p> <p>-S372- Menyalahguna mana-mana orang bagi tujuan persundalan.</p> <p>-S366- Mencolek atau melarikan perempuan bagi memaksa ia berkahwin,dsb.</p> <p>-S72B- Mencari langganan bagi maksud persundalan</p> | <p>-Seksyen 81A menyatakan maksud “aduan berkenaan gangguan seksual” ertiya apa-apa aduan berhubung dengan gangguan seksual yang dibuat oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Seorang pekerja terhadap pekerja yang lain 2) Seorang pekerja terhadap majikan 3) Seorang majikan terhadap seorang pekerja <p>Seksyen 81B - Tindakan yang perlu dilakukan oleh majikan sekiranya menerima aduan gangguan seksual (Siasatan terhadap aduan berkenaan gangguan seksual):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Majikan hendaklah membuat siasatan terhadap aduan dengan cara yang ditetapkan oleh menteri. 2) Majikan boleh tidak untuk tidak membuka siasatan terhadap mana-mana aduan jika aduan pernah disiasat dan tiada gangguan seksual dibuktikan serta apabila majikan merasakan gangguan seksual tersebut adalah remeh, menyusahkan atau ia bukan dibuat dengan niat yang suci. 3) Jika enggan membuat siasatan terhadap aduan, majikan hendaklah secara bertulis | <p>233. (1) Seseorang yang— <ol style="list-style-type: none"> (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar— <ol style="list-style-type: none"> (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucuh, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau (b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya </p> |

| | | | | |
|---------------------------------------|---|--|---|---|
| | | | <p>memaklumkan sebab-sebab keengganannya kepada pengadu tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh pengaduan.</p> <p>4) Jika pengadu tidak berpuas hati dengan keengganannya majikan tersebut, pengadu boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah.</p> | <p>dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik</p> |
| JENIS GANGGUAN | PEKELILING PERKHIDMATAN GANGGUAN SEKSUAL - JPA | KANUN KESEKSAAN (AKTA 574) – KDN / PDRM | | |
| Gangguan secara isyarat (bukan lisan) | -sikap yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual seperti menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat yang lain. | <p>-S509- Perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang</p> <p>-S292-Menjual,dsb.,buku-buku,dsb., yang lucah.</p> | | <p>AKTA BURUH 1955 - KSM</p> <p>(Seksyen 81C (a)) -Tindakan kepada Pelaku sekiranya terbukti bersalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> 5) Memecat tanpa notis 6) Menurunkan pangkat pekerja 7) Mengenakan hukuman ringan yang adil atau penggantungan gaji tidak melebihi dua minggu. <p>(Seksyen 81C (b))- sekiranya pelaku bukan pekerja di bawahnya, mengesyorkan untuk pelaku tersebut dinawak ke pihak berkuasa yang sesuai dengan pelaku tersebut.</p> |
| Gangguan secara visual | -Perlakuan seperti menghantar nota, surat, mel elektroni, gambar atau mana-mana aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan kepada paparan umum. | <p>-S509- Perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang</p> <p>-S294- Nyanyian lucah</p> <p>-S293- Menjual, dsb., benda-benda lucah kepada orang muda</p> | | |
| JENIS GANGGUAN | PEKELILING PERKHIDMATAN GANGGUAN SEKSUAL - JPA | KANUN KESEKSAAN (AKTA 574) – KDN / PDRM | | |
| Gangguan secara psikologi | -Mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual sama ada melalui surat, telefon, emel dan sebarang bentuk komunikasi. | <p>-S509- Perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang</p> <p>-S377D – Melanggar Kesopanan</p> <p>-S372- Menyalahguna mana-</p> | <p>Seksyen 81D- Tindakan yang perlu dibuat oleh Ketua Pengarah (KP) apabila menerima aduan.</p> <ul style="list-style-type: none"> 8) KP akan menilai dan mengarahkan majikan untuk menyiasat kes tersebut. 9) Majikan perlu membuat siasatan dan kemukau laporan siasatan kepada KP dalam | |

| | | | |
|--|--|---|--|
| | | <p>mana orang bagi tujuan persundalan.</p> <p>tempoh 30 hari dari tarikh arahan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 10) Jika pelaku adalah majikan, KP perlu menyiasat sendiri dengan cara yang ditetapkan oleh menteri. 11) Selepas siasatan, KP hendaklah memutuskan di bawah subseksyen (3) keputusan laporan tersebut. 12) KP boleh enggan untuk menyiasat aduan tersebut sekiranya aduan pernah disiasat dan tiada gangguan seksual dibuktikan serta apabila majikan merasakan gangguan seksual tersebut adalah remeh, menyusahkan atau ia bukan dibuat dengan niat yang suci. <p>AKTA BURUH 1955 – KSM</p> <ol style="list-style-type: none"> 13) Jika KP enggan membuat siasatan terhadap aduan, KP hendaklah secara bertulis memaklumkan sebab-sebab keengganannya kepada pengadu tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh pengaduan. <p>Seksyen 81E- Kesan keputusan Ketua Pengarah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apabila KP memutuskan di bawah subseksyen 81D(4) bahawa gangguan seksual | |
|--|--|---|--|

| | | | | |
|--|--|--|---|--|
| | | | <p>dibuktikan, pengadu boleh menamatkan kontrak perkhidmatan tanpa notis.</p> <p>2) Pengadu berhak mendapat ganjaran seperti upah dan juga faedah-faedah penamatan dan indemniti.</p> <p>Seksyen 81F- Jika majikan gagal membuat perkara di bawah serta jika disabitkan kesalahan, akan didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuat siasatan terhadap aduan berkenaan gangguan seksual - Memaklumkan kepada pengadu tentang sebab-sebab keengganananya sebagaimana yang dikehendaki - Membuat siasatan apabila diarahkan oleh KP - Dan mengemukakan laporan siasatan laporan kepada KP | |
|--|--|--|---|--|

